

26hb. November, 1981

Semua Ketua Setiausaha Kementerian Jabatan

Akauntan Perbendaharaan Jabatan Mengakaun Sendiri/Cawangan JAN

Bendahari Negeri

Tuan,

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 1981

PERATURAN SISTEM PERAKAUNAN TUNAI UBAHSUAI PADA AKHIR TAHUN

KEWANGAN 1981 BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

1. Tujuan

Pekeliling ini menjelaskan tentang peraturan Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai yang akan dipakai pada akhir tahun kewangan 1981 seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan No. 8 Tahun 1974.

2. Penutupan Buku Tunai

Semua Buku Tunai hendaklah ditutup seperti biasa selepas penutupan urusan pada hari kerja terakhir tahun 1981 mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam pekeling yang tersebut di atas. Pemegang Panjar tidak dikehendaki memulangkan baki panjarnya pada akhir tahun 1981.

3. Syarat Pembayaran Atas 'Akaun Kena Bayar'

Apabila menguruskan pembayaran akaun tahun 1981 dalam bulan Januari, 1982 pihak yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa bukan sahaja perkhidmatan/pembekalan telah disempurnakan pada atau sebelum 31hb. Disember, 1981 akan tetapi peruntukan dalam pecahan-kepala yang berkenaan adalah juga mencukupi untuk membayar perbelanjaan itu. Jika syarat ini tidak dipenuhi maka pembayaran itu hendaklah didebit kepada Vot Perbelanjaan tahun 1982 mengikut Arahan Perbendaharaan 58(a).

4. Penyerahan Vaucer 'Akaun Kena Bayar'

Adalah diperhatikan dari pengalaman yang lalu bahawa sejumlah besar vaucer Akaun Kena Bayar yang dihantar dalam bulan Disember dalam Januari adalah bagi perbelanjaan yang telah berlaku lebih awal sebelum menjelang hujung tahun semasa akan tetapi vaucer berkenaan lewat dihantar kepada Pejabat Pembayar. Ini mengakibatkan buku-buku akaun lewat ditutup. Untuk menentukan kelewatan penutupan akaun tidak berlaku lagi maka jadual penyerahan vaucer pembayaran yang berikut hendaklah dipatuhi.

Perkara

Tarikh Akhir Serahan

Semasa vauzer pembayaran yang lengkap

bagi perbelanjaan yang berlaku pada

atau sebelum 30hb. November 1981

hendaklah diserahkan kepada Pejabat

Pembayar tidak lewat dari.....10hb. Disember 1981

Semua vauzer pembayaran yang lengkap

bagi perbelanjaan yang berlaku dari

1hb. Disember 1981 hingga 15hb.

Disember 1981 hendaklah diserahkan

kepada Pejabat Pembayar tidak lewat

dari.....20hb. Disember 1981

Semua vauzer pembayaran yang lengkap

bagi perbelanjaan yang berlaku dari

16hb. Disember 1981 hingga 31 hb.

Disember 1981 hendaklah diserahkan

kepada Pejabat Pembayar tidak lewat

dari10hb. Januari 1982

5. Aturcara Penyampaian Vauzer Pembayaran 'Akaun Kena Bayar'

5.1. Dua cara bagi menyampaikan vauzer 'Akaun Kena Bayar' tahun 1981 adalah seperti berikut:

5.1.1. Vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' yang dihantar ke Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara atau ke Cawangan Jabatan Akauntan Negara tidak perlu disertai dengan vauzer jernal.

5.1.2. Aturcara untuk mengemukakan vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' kepada Bendahari Negeri dan juga Jabatan Mengakaun Sendiri adalah seperti pada tahun lepas melainkan jika diarah sebaliknya oleh Bendahari Negeri atau Jabatan Mengakaun Sendiri. Bagaimanapun kesemua Bendahari Negeri dan Jabatan Mengakaun Sendiri yang menggunakan komputer adalah dinasihatkan supaya mengujudkan satu sistem dimana penyediaan dan prosesan vauzer jernal tidak perlu dibuat lagi bagi vauzer 'Akaun Kena Bayar'.

5.2. Kesemua vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' hendaklah disampaikan ke Pejabat Pembayar

berasingan dari vauzer yang lain dan diberi cop 'Akaun Kena Bayar' di atas semua salinan vauzer pembayaran ini.

5.3. Vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' yang dibayar selepas 31hb. Disember 1981 hendaklah diberi nombor siri 1982 oleh Pejabat Pembayar dan cek baginya hendaklah dikeluarkan dari Akaun Bank tahun 1982.

5.4. Kesemua vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' hendaklah diberi kod perakaunan untuk mengenakan perbelanjaan itu kepada vot perbelanjaan tahun 1981 seolah-oleh vauzer berkenaan disediakan untuk dibayar dalam tahun 1981 juga.

5.5. Tiap-tiap jumlah vauzer 'Akaun Kena Bayar' yang dibayar pada atau sebelum 31hb. Januari 1982 hendaklah didebit terus kepada vot perbelanjaan tahun 1981. Nombor kepada perbelanjaan yang diberi kepada setiap akaun itu hendaklah sama dengan nombor kepala perbelanjaan yang diberi kepada Kementerian/Jabatan yang berkenaan itu bagi tahun 1981.

5.6. Vauzer Pembayaran 'Akaun Kena Bayar' yang tidak dapat dibayar pada atau sebelum 31hb. Januari 1982 mestilah dipulangkan kepada Pegawai Pengawal untuk dibatalkan. Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan vauzer baru dan menyampaikannya kepada Pejabat Pembayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) untuk dibayar dari peruntukan tahun 1982.

6. Sistem Perakaunan Vauzer Pembayaran 'Akaun Kena Bayar'

Sistem perakaunan vauzer 'Akaun Kena Bayar' adalah seperti berikut:-

6.1. Apabila pembayaran atas 'Akaun Kena Bayar' dilakukan bagi Jabatan Persekutuan, Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara dan Cawangan Jabatan Akaudntan Negara yang mempunyai sistem perakaunan berkomputer hendaklah mendebitkan vot perbelanjaan tahun 1981 dan mengkreditkan 'Akaun Kena Bayar' tahun 1981. Akaun Bank tahun 1982 akan dikreditkan dan debit sewajarnya akan dikenakan kepada Akaun Penyelesaian tahun 1982.

6.2. Bagi Jabatan Mengakuan Sendiri dan Bendahari Negeri yang melakukan pembayaran atas vauzer 'Akaun Kena Bayar' aturcara tahun lepas bolehlah diikuti. Dimana penyediaan dan prosesan jernal vauzer tidak perlu dibuat pada akhir tiap-tiap hari kesemua pembayaran atas 'Akaun Kena Bayar' yang dilakukan hendaklah diperakaunkan seperti berikut:

(a) DEBIT : Vot Perbelanjaan (1981)

KREDIT : Akaun Kena Bayar (1981)

(b) DEBIT : Akaun Penyelesaian Perbelanjaan (1982)

KREDIT : Akaun Bank (1982)

(dengan jumlah besar cek 'Akaun Kena Bayar')

7. Rekupment Panjar dan Vauzer Pembayaran 'Akaun Kena Bayar'

7.1. Semua rekupmen bagi perbelanjaan yang dilakukan dalam tahun 1981 mestilah dikemukakan kepada Jabatan ini sebelum 10hb. Januari 1982. Pemegang Panjar dikehendaki menghantar berasingan vauzer pembayaran yang berlainan dalam tiga kumpulan seperti berikut:-

(a) Kumpulan pertama - Vauzer tahun 1981 yang telah dibayar dalam tahun 1981

(b) Kumpulan kedua - Vauzer tahun 1981 yang dibayar dalam bulan Januari 1982

(c) Kumpulan ketiga - Vauzer tahun 1982 yang dibayar dalam tahun 1982

7.2. Jumlah vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' hendaklah didebit kepada vot perbelanjaan tahun 1981 dan dikredit kepada Akaun Kena Bayar tahun 1981. Pada masa yang sama, Akaun Penyelesaian Perbelanjaan tahun 1982 hendaklah didebitkan dan Akaun Panjar tahun 1982 hendaklah dikreditkan dengan jumlah yang sama.

8. Perakaunan Pembayaran Persekutuan di Perbendaharaan Negeri

Sistem Perakaunan Tunai Ubahsuai ini adalah juga dipakai bagi urusan Kerajaan Persekutuan yang dikendalikan oleh Perbendaharaan Negeri. Walaubagaimanapun oleh kerana Perbendaharaan Negeri tidak menyenggara rekod perakaunan yang lengkap mengenai pembayaran yang dilakukan bagi Jabatan Persekutuan peraturan yang berikut hendaklah dipatuhi untuk mengakaun pembayaran persekutuan.

8.1. Semua vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' yang disediakan oleh Jabatan Persekutuan di negeri untuk dibayar oleh Perbendaharaan Negeri mestilah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri berasingan dari vauzer yang lain.

8.2. Vauzer pembayaran 'Akaun Kena Bayar' yang dibayar oleh Perbendaharaan Negeri dalam bulan Januari 1982 hendaklah didebit kepada Akaun Semasa Antara Pentadbiran dengan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri.

8.3. Apabila menghantar akaun kepada Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri, Bendahari Negeri adalah diminta supaya mengasingkan vauzer pembayaran "Akaun Kena Bayar" daripada vauzer yang lain. Ini adalah sangat mustahak supaya urusan memproses vauzer dan mengakaun perbelanjaan dapat dijalankan dengan licin dan teratur.

8.4. Semua jurnal vauzer untuk menyelaraskan akaun tahun 1981 diantara Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Persekutuan hendaklah disampaikan ke Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri bersama dengan akaun tambahan bulan Disember tahun 1981.

9. Penyelesaian Akaun Tambahan Bulan Disember 1981 dan Akaun Bulan Januari 1982 Yang Diterima Daripada Perbendaharaan Negeri

Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri, apabila menerima Akaun Tambahan Bulan disember 1981 dan Akaun Bulan Januari 1982 daripada Perbendaharaan Negeri hendaklah memproses, mengakaun dan menyelesaikan dengan Pegawai Pengawal seperti berikut:

9.1. Perbelanjaan tahun 1982 hendaklah didebit kepada vdot perbelanjaan tahun 1982 Jabatan berkenaan dan dikredit kepada Akaun Semasa Antara Pentadbiran Bendahari Negeri berkenaan.

9.2. Perbelanjaan tahun 1981 hendaklah didebit kepada vot perbelanjaan tahun 1981 dan juga Akaun Penyelesaian Perbelanjaan tahun 1982. Suatu jurnal hendaklah dibuat kemudiannya untuk mendebit akaun yang sama kepada Akaun Semasa Antara Pentadbiran dan megkredit akaun ini kepada Akaun Kena Bayar tahun 1981.

9.3. Akaun Kena Bayar ini hendaklah kemudiannya ditutup dalam tahun 1982 oleh Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri dengan memindahkan baki dalam Akaun ini kepada Akaun Penyelesaian perbelanjaan tahun 1982.

10. Akaun Perwakilan di Seberang Laut

10.1 Cara memproses dan menyelesaikan akaun perwakilan di seberang laut bagi bulan Januari, 1982 hendaklah mengikut peraturan yang dilakukan sekarang melainkan apabila menghantar akaun ini kepada Akauntan Negara/Jabatan Mengakaun Sendiri. Jabatan yang berkenaan itu adalah diminta supaya memastikan bahawa vauzer pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan diasingkan kepada dua kumpulan iaitu:-

a. Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1981;

b. Pembayaran berkenaan dengan perbelanjaan tahun 1982.

10.2. Suatu vaučer jernal hendaklah disediakan oleh Kementerian/Jabatan yang berkenaan untuk melaraskan pembayaran dalam bulan Januari secara berikut:-

10.2.1. Pembayaran atas perbelanjaan tahun 1982 hendaklah didebit terus kepada vot perbelanjaan tahun 1982 dan dikredit kepada Akaun Panjar tahun 1982.

10.2.2. Jumlah pembayaran atas perbelanjaan tahun 1981 hendaklah didebit kepada Akaun Penyelesaian Perbelanjaan tahun 1982 dan dikredit kepada Akaun Panjar tahun 1982. Seterusnya satu jernal hendaklah disediakan untuk mendebitkan vot perbelanjaan tahun 1981 dan mengkreditkan Akaun Kena Bayar tahun 1981.

11. Penutupan 'Akaun Kena Bayar'

Pada akhir bulan Januari 1982 apabila semua pembayaran atas 'Akaun Kena Bayar' telah diperakaunkan satu catitan jernal hendaklah dibuat oleh pejabat perakaunan untuk menutup Akaun Kena Bayar. Akaun Kena Bayar tahun 1981 didebitkan dengan baki yang ada di dalamnya dan Akaun Penyelesaian perbelanjaan tahun 1982 dikreditkan dengan jumlah yang sama.

12. Pembayaran Yang Dikenakan Kepada Akaun Amanah

Semua pembayaran yang dikenakan kepada akaun amnah hendaklah diperakaunkan dalam tahun bilamana urusanniaga berkenaan dilakukan. Pembayaran atas 'Akaun Kena Bayar' melalui akaun amanah tidaklah dibenarkan.

13. Penutup

Kementerian dan Jabatan adalah diminta supaya membereskan semua bil semasa yang belum diselesaikan untuk memberi kesan kepada peraturan di perenggan 4. Kementerian dan Jabatan juga dikehendaki mematuhi peraturan dan tarikh yang ditetapkan bagi semua perkara yang disebutkan dalam surat pekeliling ini.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SHAMSIR BIN OMAR)

Akauntan Negara Malaysia